

January 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

71st
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



UiTM Transformation Program

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

KOMANDER KESATRIA UiTM SARAWAK MENJUARAI PERTANDINGAN KEBUDAYAAN KOMANDER KESATRIA

Komander Kesatria UiTM Sarawak telah mengambil kesempatan untuk menyertai Jamboree Komander Kesatria di UiTM Terengganu pada 17 hingga 23 November 2015 yang lepas. Sebanyak 16 pasukan yang terdiri daripada kampus negeri dan PFI telah menyertai Jamboree ini. Komander Kesatria UiTM Sarawak telah menjuarai pertandingan kebudayaan Komander Kesatria, di mana Encik Aldrin Majang telah dinobatkan sebagai Komander Kesatria terbaik. Di dalam pertandingan kawad, pasukan UiTM Sarawak berada di tempat ketujuh dari 16 pasukan yang bertanding.

Oleh: Ch'ng Looi Chin



KEJOHANAN Bowling PIALA REKTOR UiTM EDISI KE-3 2015

KEJOHANAN BOWLING PIALA REKTOR UiTM SARAWAK EDISI KE-3 2015

Oleh: Widyawati Jais dan Yeo Jiin Yih



Tahniah Kepada Semua pemenang & jumpa lagi tahun hadapan

Unit Sukan dengan kerjasama KEKiTA dan PEWANI telah berjaya menganjurkan Kejohanan Bowling Piala Rektor UiTM Sarawak Edisi Ke-3 2015 yang berlangsung pada 26 November 2015, jam 7.00 - 11.30 malam bertempat di Megalanes, King Centre. Aktiviti ini disambut baik dengan penyertaan seramai 29 kumpulan. Kumpulan SP Strikes yang terdiri daripada Azmil bin Man, Berahim bin Pon, Zulfadli bin Sukardi, dan Nur Amni Amelia Abdullah telah memenangi kejohanan Bowling Piala Rektor UiTM Sarawak. Selain itu, johan individu lelaki telah dimenangi oleh Azmil Man manakala johan individu perempuan pula dimenangi oleh Affidah Morni. Diharapkan kerjasama antara Unit Sukan, KEKiTA dan PEWANI akan berterusan di masa akan datang demi merapatkan ukhwah seluruh warga UiTM Sarawak.

Program Penggalakan STEM Melalui Ceramah Kerjaya

Oleh: Shahrina Shah Jahan

Pada 29 Oktober 2015 yang lepas, Fakulti Sains Gunaan telah berjaya mengadakan satu lagi ceramah kerjaya yang bertempat di SMK Demak Laut, Bako, Kuching. Berbeza dengan ceramah yang lepas, kini sasaran adalah pelajar-pelajar bumiputra Tingkatan 3 yang telah menduduki peperiksaan PT3 atau dahulu dikenali sebagai Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Sejumlah 93 orang pelajar telah hadir pada sesi ceramah ini yang disampaikan dari jam 11.00 pagi hingga 12.30 tengahari. Ini diikuti dengan sesi soal-jawab antara pelajar dan penceramah, iaitu Ketua Pusat Pengajian Fakulti Sains Gunaan, Dr. Mohamad Isa bin Mohamad.

Matlamat utama ceramah adalah untuk memandu hala-tuju pelajar kepada kerjaya pilihan dan memberi peluang yang terbaik kepada para pelajar khususnya bumiputra bagi mengenali lebih dekat bidang-bidang pengajian yang ditawarkan di UiTM Samarahan umumnya dan Fakulti Sains Gunaan khususnya. Selain itu, ceramah ini juga bertujuan membantu matlamat negara untuk meningkatkan jumlah pelajar sains di peringkat sekolah dengan memupuk minat mereka terhadap sains melalui program penggalakan Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Maklumbalas para pelajar terhadap ceramah ini adalah sangat baik dengan banyak soalan-soalan susulan diterima setelah sesi ceramah dijalankan dan kesungguhan terhadap sains juga dapat dilihat. Untuk penambahbaikan pada masa akan datang, ceramah akan dijalankan pada awal tahun sebelum pelajar menduduki PT3 bagi membolehkan pendedahan dan minat mereka tentang sains dengan lebih awal lagi.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my